

**Proses Penggubalan Undang-undang Yang Baik Bermula Di Peringkat Kementerian
- Abu Zahar
Bernama
07 Julai, 2012**

KUALA LUMPUR, 7 Julai (Bernama) -- Proses penggubalan yang baik bermula di peringkat kementerian di mana pegawai khususnya penasihat undang-undang perlu memastikan draf undang-undang dikemukakan kepada Parlimen mampu menjaga kepentingan rakyat, kata Yang Dipertua Dewan Negara Tan Sri Abu Zahar Ujang.

Beliau berkata pegawai kementerian berkenaan perlu mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang mencukupi supaya mereka dapat menghayati 'spirit of law' itu dalam mencadangkan penggubalan undang-undang tersebut.

"Sebelum draf undang-undang dihasilkan, pegawai kementerian perlu mengkaji sedalamnya keperluan undang-undang itu. Mereka perlu kaji tahap keberkesanan undang-undang itu kepada negara.

"Pegawai kementerian juga perlu meneliti persekitaran semasa. Kita mahu melihat hanya undang-undang yang baik diluluskan oleh Parlimen," katanya ketika berucap merasmikan Bengkel Khas Penggubalan Undang-undang Negara di Parlimen di sini Sabtu.

Turut hadir Timbalan Yang Dipertua Dewan Negara Doris Sophia Brodi.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=678720>